



KEMENTERIAN DIGITAL
JABATAN DIGITAL NEGARA



PERSIDANGAN PENGURUSAN KEWANGAN JABATAN DIGITAL NEGARA

“Kepentingan Pengurusan Kewangan Yang Efisien Dalam Memacu Pendigitalan Perkhidmatan Kerajaan”

ISNIN -RABU, 4 - 6 NOVEMBER 2024

SWISS GARDEN HOTEL, KUALA LUMPUR

LINTAS LANGSUNG DARI YOUTUBE @JABATANDIGITALNEGARA



**AHMAD JAFFRI BIN
AHMAD ZAINI**

**PENGARAH,
BAHAGIAN
KHIDMAT
PENGURUSAN,
JABATAN DIGITAL
NEGARA**

BIDANG TUGAS SEMASA

Sumber Manusia | Kewangan | Pengurusan

KERJAYA

Pegawai Tadbir dan Diplomatik | Gred M54

Menyertai perkhidmatan pada tahun 2003 @ tempoh 21 tahun

AKADEMIK

***Philosophy Master (in History)* / Kesarjanaan Falsafah (Sejarah)
[Sejarah Pembentukan dan Perkembangan Perkhidmatan Awam]**

BIDANG PENGALAMAN

**Inspektorat Penyampaian Perkhidmatan | *Mystery Shopping* | Penyusunan
Fungsi-Struktur-Perjawatan | Pengurusan Protokol | Pengurusan Latihan |
Pengurusan Projek Pembangunan Fizikal 'Design & Build'**

AGENSI TERDAHULU

**Bahagian Pembangunan, MOE | Bahagian Pengambilan, Suruhanjaya
Perkhidmatan Pendidikan | Akademi Kepimpinan Pengajian Tinggi (AKEPT) |
Bahagian Khidmat Pengurusan, MOHE | Jabatan Perkhidmatan Awam | Unit
Pemodenan Tadbiran & Perancangan Pengurusan Malaysia**

PENGURUSAN BERBELANJA YANG EFISIEN

OLEH
AHMAD JAFFRI BIN AHMAD ZAINI
PENGARAH
BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN
JABATAN DIGITAL NEGARA

Audiens Sasaran

- **Pengarah Bahagian** selaku pegawai yang bertanggungjawab ke atas peruntukan yang diagihkan kepada Bahagian
- **Timbalan Pengarah Bahagian** selaku pemilik projek mengikut Seksyen
- **Ketua Penolong Pengarah** selaku ketua pasukan projek / **PMO**
- **Penolong Pengarah** selaku ahli pasukan projek

Halatuju & Cabaran

- **Jabatan Teknik Pendigitalan: mandat melaksanakan perolehan pendigitalan bagi sektor awam - Perubahan tata kelola**
- **National Critical Information Centre (NCII); JDN selaku Ketua Sektor Infrastruktur Maklumat Kritikal Negara**
- **Pemeriksaan Skim Perkhidmatan Sistem Maklumat**
- **Fungsi-fungsi baharu JDN | Digital First | Whole of Government**

Introduksi : Peruntukan Mengurus dan Pembangunan (Umum)

Perbelanjaan mengurus (OE) adalah perbelanjaan bagi maksud tanggungan dan maksud bekalan yang terdiri daripada emolumen, perkhidmatan dan bekalan, aset, pemberian dan kenaaan bayaran tetap, dan perbelanjaan lain. Perbelanjaan tersebut diakaunkan dalam Akaun Hasil Disatukan menurut peruntukan Perkara 98, 100, 101, 102 dan 104 Perlembagaan Persekutuan dan Seksyen 13 Akta Tatacara Kewangan 1957

Introduksi : Peruntukan Mengurus dan Pembangunan (Umum)

Program perbelanjaan pembangunan (DE) sektor awam merangkumi perbelanjaan bagi program ekonomi, sosial, pentadbiran dan keselamatan Kerajaan Persekutuan dan Negeri serta pihak berkuasa awam dan tempatan dalam tempoh Rancangan Malaysia. Perbelanjaan pembangunan digunakan bagi tujuan pelaburan pembangunan ekonomi dan sosial. Perbelanjaan pembangunan juga adalah suatu bentuk pelaburan atau perbelanjaan modal untuk kesan jangka Panjang.

PB 3.1 | Garis Panduan Kawalan Perbelanjaan Awam

Perbelanjaan Mengurus (OE)

Kementerian/ Jabatan/ Agensi/
Badan Berkanun Persekutuan/
Syarikat Kerajaan/ CLBG hendaklah
mengambil langkah-langkah
mengoptimumkan
perbelanjaan selaras dengan
prinsip-prinsip dan peraturan
kewangan yang dikeluarkan oleh
Kementerian Kewangan (MOF) dari
semasa ke semasa.

Perbelanjaan Pembangunan (DE)

Selaras dengan hasrat Kerajaan
mengoptimumkan perbelanjaan
bagi semua projek yang sedang
dalam pelaksanaan, Kementerian/
Jabatan/ Agensi hendaklah
memantau secara rapi
kemajuan projek agar ianya
siap dalam tempoh ditetapkan.

Analisis Awal / *Helicopter View*

- Berdasarkan laporan prestasi kewangan kerajaan untuk tahun 2023 Jabatan Audit Negara, menunjukkan peningkatan dalam prestasi kewangan secara keseluruhan, tetapi terdapat beberapa cabaran dalam pengurusan peruntukan. Khususnya dalam perbelanjaan mengurus, prestasi agensi kerajaan tidak sepenuhnya memuaskan.
- Laporan audit menunjukkan bahawa terdapat banyak ruang untuk memperbaiki pengurusan liabiliti awam dan perbelanjaan yang lebih efektif untuk mengurangkan defisit fiskal dan liabiliti yang semakin meningkat.
- Laporan tersebut juga menekankan bahawa kerajaan perlu lebih berhati-hati dalam pengurusan perbelanjaan awam, dengan cadangan untuk terus memperbaiki tadbir urus dan meningkatkan hasil dari pelbagai sumber bagi mengekalkan kedudukan kewangan yang lebih kukuh

Punca Kuasa: Pekeliling Perbendaharaan PS 5.1

GARIS PANDUAN PELAKSANAAN JAWATANKUASA PENGURUSAN KEWANGAN DAN AKAUN

- **Pekeliling PS 5.1** bertujuan menjelaskan mengenai penubuhan, peranan serta tanggungjawab Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun (JPKA) di semua agensi Kerajaan dan menetapkan format penyediaan laporan JPKA untuk **meningkatkan kecekapan, keberkesanan dan akauntabiliti di semua peringkat Kementerian melalui penekanan ke atas tadbir urus yang baik (*good governance*) dan Nilai Faedah Yang Terbaik (*best value for money*) dalam pengurusan kewangan, risiko, prestasi perkhidmatan awam dan memastikan penggunaan sumber secara optimum.**

KECEKAPAN BERBELANJA: APAKAH BENDANYA ITU ..



Pengurus Yang Berminda “Berbelanja secara Efisien”

Mampu mengurus sumber kewangan dengan bijak bagi memastikan bahawa setiap ringgit dibelanjakan untuk mencapai matlamat organisasi dengan optimum. Memahami bahawa belanja yang efisien bukan sahaja bermaksud mengurangkan kos, tetapi juga memaksimumkan pulangan daripada setiap perbelanjaan.

- **Berorientasikan Nilai | *Value Oriented***
- **Keputusan Berdasarkan Data | *Data-Driven Decision***
- **Berorientasikan Hasil | *Results-Oriented Spending***
- **Berfokuskan Peningkatan Kecekapan | *Efficiency Improvement***
- **Berkomunikasi Dengan Jelas | *Clear Communication***

Pengurus Yang Berminda “Berbelanja Secara Efisien + Kredibiliti”

Mampu mengurus sumber kewangan organisasi dengan efisien, berintegriti dan bertanggungjawab sambil memastikan bahawa risiko dikawal dan keuntungan dimaksimumkan. Berkemampuan membuat keputusan yang tepat dan berdasarkan maklumat terkini yang selaras dengan matlamat kewangan organisasi

- [Lima ciri disebelah]
- **Kecekapan dan Kemahiran Analisis**
- **Integriti dan Ketelusan**
- **Pengurusan Risiko Yang Bijak**

Mengapa Pentingnya Minda Kecekapan Berbelanja?



Pentingnya Minda Kecekapan Berbelanja

- **Penggunaan Sumber Secara Optimum**

Kecekapan berbelanja merujuk kepada kemampuan organisasi untuk menggunakan sumber kewangan yang ada secara optimum untuk mencapai matlamat tertentu tanpa pembaziran atau kos yang tidak perlu. **Peter Drucker, pakar pengurusan**

- **Memaksimumkan Nilai dengan Kos Minimum**

Kecekapan dalam perbelanjaan ialah seni memaksimumkan hasil atau nilai yang diperoleh daripada setiap unit sumber yang dibelanjakan sambil meminimumkan kos yang terlibat.

Philip Kotler, pakar pemasaran


- **Perbelanjaan Selaras dengan Hasil yang Dijangka**

Kecekapan perbelanjaan ialah penggunaan dana organisasi dengan cara yang selaras dengan hasil strategik yang dijangka, sambil memastikan sumber kewangan digunakan secara ekonomi dan berkesan. **Michael Porter, Profesor Universiti Harvard**

- **Meningkatkan Produktiviti dan Mengurangkan Pembaziran**

Kecekapan berbelanja bermaksud membelanjakan sumber kewangan syarikat secara bijaksana untuk meningkatkan produktiviti dan mengurangkan pembaziran, supaya setiap perbelanjaan memberikan pulangan yang ketara. **Warren Buffett, pelabur**

Merealisasi Minda Kecekapan Berbelanja: Bagaimana Melaksanakannya?



Merealisasi Minda Kecekapan Berbelanja

PERANCANGAN

Proses merangka strategi untuk mencapai matlamat kewangan jangka pendek dan jangka panjang melibatkan penilaian keperluan dana, ramalan aliran tunai dan **penetapan belanjawan** bertujuan membantu organisasi menentukan bagaimana dana akan **diperolehi, dibelanjakan dan diuruskan.**

"Failing to plan is planning to fail."

"A budget is telling your money where to go instead of wondering where it went" – Dave Ramsey, pakar kewangan

Merealisasi Minda Kecekapan Berbelanja

PENGAWALAN KEWANGAN

Proses **pemantauan dan penilaian aktiviti kewangan** untuk memastikan ia selaras dengan perancangan yang telah dibuat termasuk **menetapkan piawaian, menganalisis prestasi kewangan, dan mengambil tindakan pembetulan** apabila perlu bertujuan mengekalkan disiplin dalam penggunaan sumber kewangan dan mencegah pembaziran.

"Cost control is the only way we survive, so we are very focused on making sure that every cent is well spent." — Tan Sri Tony Fernandes, CEO AirAsia

"Financial discipline is essential for business longevity. Without strong cost control, even the best business ideas can fail." — Tan Sri Syed Mokhtar Al-Bukhary

Merealisasikan Minda Kecekapan Berbelanja


PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN

Proses mengenal pasti, menganalisis, dan **mengambil langkah untuk mengurangkan risiko yang berkaitan dengan kewangan organisasi**, termasuk risiko pasaran, risiko kredit, dan risiko operasi. Pengurusan risiko **bukanlah** tentang menghapuskan semua risiko, tetapi mengendalikannya dengan bijak untuk melindungi kestabilan kewangan organisasi.

“Risk management is not just about avoiding risks, but about managing them intelligently and ensuring that the financial system remains resilient in the face of challenges.” – Tan Sri Zeti Akhtar Aziz, bekas Gabenor Bank Negara Malaysia.

“Good risk management means knowing your limits and adapting your strategies in time to avoid unnecessary exposure.” – Tan Sri Nazir Razak, bekas CEO CIMB Group.

PADA AKHIRNYA UNTUK APAKAH SEMUA INI ..



Punca Kuasa: Pekeliling Perbendaharaan PS 5.1

GARIS PANDUAN PELAKSANAAN JAWATANKUASA PENGURUSAN KEWANGAN DAN AKAUN

Nyatakan penjelasan dan tindakan untuk perkara berikut: -

(i) Perbelanjaan melebihi peruntukan: RM.....

Penjelasan:

Tindakan penyelesaian:

(ii) **Perbelanjaan kurang 95% atau melebihi 100% daripada peruntukan di akhir tahun (Berakhir 31 Disember sahaja): RM.....**

Penjelasan:

Tindakan penyelesaian:

Perenggan 6 ms 5. Lampiran C

Punca Kuasa: Pekeliling Perbendaharaan PS 5.1

GARIS PANDUAN PELAKSANAAN JAWATANKUASA PENGURUSAN KEWANGAN DAN AKAUN

• Pengurusan Kewangan Dan Akaun

- 2.2.1 **pengurusan belanjawan;**
- 2.2.2 **pengurusan perolehan;**
- 2.2.3 **pengurusan bayaran;**
- 2.2.4 **pengurusan panjar;**
- 2.2.5 **pengurusan terimaan;**
- 2.2.6 **pengurusan aset dan stor;**
- 2.2.7 **perakaunan aset;**
- 2.2.8 **pengurusan liabiliti;**
- 2.2.9 **pembangunan dan pemantauan projek;**
- 2.2.10 **pengurusan Kumpulan Wang Amanah Kerajaan/Akaun Amanah Awam;**
- 2.2.11 **pengurusan akaun deposit/bon pelaksanaan/wang jaminan pelaksanaan;**
- 2.2.12 **perakaunan pengurusan.**

< Perbelanjaan peruntukan mengurus secara EFISIEN adalah melalui pelaksanaan program / projek berdasarkan senarai yang telah dijanjikan oleh Bahagian

PENGURUSAN PEROLEHAN

**Pembelian
Terus**

- **Sehingga RM50,000 perbelanjaan tahunan**

Sebutharga

- **Sehingga RM500 ribu**


Tender

- **Melebihi RM500 ribu**


- **Latihan**
- **Sewaan**
- **Perkhidmatan**
- **Aset**

[dan sebagainya]

PERANCANGAN | PENGURUSAN MASA



BERUBAH MENJADI PENGURUS YANG EFISIEN



Menjadi Pengurus Projek yang Efisien (*Beginner / Intermediate*)

- **Penyusunan Keutamaan Projek** – *Project Prioritization*
- **Pelan Tindakan Terperinci** – *Detailed Action Plan*
- **Pengagihan Sumber Secara Optimum** – *Resource Allocation*
- **Pemantauan & Pelaporan Berterusan** – *Ongoing Monitoring and Reporting*
- **Pengurusan Risiko Aktif** – *Active Risk Management*
- **Penglibatan Pemegang Taruh** – *Stakeholder Engagement*
- **Kawalan Kewangan & Kos** – *Financial and Cost Control*
- **Penambahbaikan Berterusan** – *Continuous Improvement*

Menjadi Pengurus Proyek yang Efisien (*Advanced / Expert*)

- **Penentuan Keutamaan dan Pembahagi Masa** – *Prioritization & Time Allocation*
- **Pengurusan Sumber** – *Resource Management*
- **Pemantauan Berkala dan Pelaporan** – *Regular Monitoring dan Reporting*
- **Pengurusan Risiko Aktif** – *Active Risk Management*
- **Pemberdayaan Pasukan** – *Team Empowerment*
- **Penilaian & Peningkatan Berterusan** – *Continuous Evaluation & Improvement*
- **Pengoptimuman Penggunaan Teknologi** – *Optimizing Use of Technology*
- **Keputusan Bijak dalam Pengagihan Dana** – *Smart Financial Allocation*

SEKIAN

TERIMA KASIH